

KENYATAAN MEDIA

KEGIATAN SENI BUDAYA KEMBALI BEROPERASI MENGIKUT PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) DALAM TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)

Damansara, 8 September 2021 – Semua kegiatan seni budaya kini dapat kembali beroperasi bagi negeri-negeri di Fasa 1 PPN. Antara aktiviti seni budaya diumumkan boleh mula beroperasi dengan SOP yang lebih diperketatkan termasuk:

- persembahan langsung yang melibatkan seni teater, muzikal, muzik, komedi, drama dan juga merangkumi konsert dan karnival seni budaya;
- pameran seni di dewan pameran, museum dan galeri dan juga merangkumi pameran kraf, artifak, bahan arkib dan lain-lain lagi;
- pembangunan kandungan kreatif seperti rakaman suara, pencampuran dan penghasilan audio, persembahan muzik instrumental atau vocal, kata-kata lisan dan lain-lain lagi; dan
- busking di di tempat-tempat yang ditentukan seperti di dalam bangunan atau premis seperti kafe, *food court*, kedai makan dan pusat beli belah.

Jumlah pengurusan, artis dan kru adalah tertakluk kepada keperluan aktiviti dan hanya bagi mereka yang telah menerima vaksin lengkap.

Ini adalah berikutan pengumuman oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Ismail Sabri melalui kenyataan media yang dikeluarkan pada 7 September 2021 mengenai perkembangan semasa Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Penggiat-penggiat seni budaya perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang digariskan oleh Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik yang meliputi Protokol Gelembung Aktiviti Seni, Protokol Tindakbalas Kecemasan dan Protokol bagi Pra, Semasa dan Pasca Aktiviti.

Ketua Pegawai Eksekutif CENDANA, Cik Izan Satrina berkongsi “Sektor seni budaya di seluruh negara telah terkesan dengan teruk sekali. Ini juga dizahirkan di dalam Laporan Impak COVID-19 Ke Atas Sektor Seni Budaya 2021 yang mana 97% daripada artis tempatan telah menerima kesan negatif daripada pandemik ini dan 77% daripada mereka telah kehilangan sumber pendapatan. Justeru, kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, Menteri Komunikasi dan Multimedia serta warga Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) kerana prihatin terhadap keperluan penggiat seni dan pekerja tadbir negara dan telah menyokong dalam keperluan pembukaan sektor seni budaya ini.”

"Adalah tidak menjadi satu keraguan lagi bahawa Seni dan Budaya kekal menjadi elemen penting yang dapat menyatukan rakyat Malaysia. Melalui peluang yang diberikan untuk pemulihan sektor Seni dan

Budaya serta industri kreatif secara menyeluruh, MyCreative Ventures dan CENDANA memainkan peranan dalam melindungi perniagaan dan pekerjaan, mengekalkan dan menghidupkan kembali kemahiran dan bakat serta mendorong penggiat seni kreatif berkecimpung di pelbagai platform teknologi baharu yang menjadi ikutan ramai. Usaha memulihkan sektor ini akan diperhebatkan lagi dengan transformasi kumpulan MyCreatives dalam membangunkan industri ‘orange economy’,” kata Encik Azmi Said, Pengerusi MyCreative Ventures.

“Tahun 2020 dan 2021 adalah antara tahun yang mencabar bagi kita semua. Kami ingin mengucapkan terima kasih khas kepada semua penggiat seni dan pekerja tadbir atas kerja keras dan ketekunan mereka sepanjang tempoh pandemik ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada komuniti seni budaya yang telah memberi saranan dan cadangan dalam penyediaan SOP ini,” Izan menambah.

CENDANA menyarankan agar semua penggiat seni budaya dan khalayak umum untuk mematuhi SOP yang telah ditetapkan dan juga mendapatkan vaksinasi bagi menjamin keselamatan semua dan keberlangsungan sektor seni budaya.

Bersama-sama Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM), CENDANA akan memaklumkan sebarang perkembangan terkini dari semasa ke semasa melalui platform digital rasmi kami di *Facebook* dan *Instagram*, CENDANA Malaysia dan juga laman sesawang kami, www.cendana.com.my. Sebarang maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan boleh berhubung terus dengan kami di info@cendana.com.my.

Unit Komunikasi dan Pemasaran

Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya (CENDANA)

8 September 2021

Tentang CENDANA

CENDANA (Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya) dilancarkan secara rasmi pada 6 September 2017 untuk membentuk budaya ekonomi yang rancak, mampan dan berwawasan untuk Malaysia, bagi terus memartabatkan profil seni dan budaya ke arah pembentukan identiti Malaysia sebagai destinasi seni dan lokasi yang strategik di pentas global. Organisasi ini disokong oleh Kerajaan Malaysia melalui MyCreative Ventures Sdn. Bhd. (Syarikat milik penuh Diperbadankan Menteri Kewangan Malaysia) dan berada di bawah kawal selia Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Sila layari www.cendana.com.my untuk maklumat lanjut.

Tentang MyCreative

MyCreative Ventures adalah cabang pelaburan Kerajaan yang dilancarkan pada bulan September 2012 untuk memacu industri kreatif Malaysia melalui pembiayaan yang strategik dan inovatif. Dapatkan maklumat lanjut melalui www.mycreative.com.my.